

MAYBANK GROUP PRIVACY NOTICE

This Privacy Notice outlines how Maybank Group collects, uses, maintains and discloses your personal data in respect of commercial transactions and how Maybank Group safeguards the personal data.

“Maybank Group” or “We” in this Privacy Notice refers to Malayan Banking Berhad (“Maybank”), including its branches in Malaysia and in other countries as well as its local and overseas subsidiaries or, as the context may require, any of them.

1. Your consent is important

When you request information or sign up for our products and services or when you enter into any commercial transactions with the Maybank Group, you may be required to provide Maybank Group with your personal data. In doing so, you consent to its use by Maybank Group in accordance with this Privacy Notice. Your personal data may have otherwise been provided to the Maybank Group by a third party (for example your spouse, a company in which you are a director, an officer or a shareholder, or a partnership in which you are a partner) for products or services that these third parties have sought from the Maybank Group on pursuant to commercial transaction entered into with Maybank Group. In this context, the term “you” or “your” in this Privacy Notice extends to any individual whose personal data has been provided to the Maybank Group and/or has been collected in other circumstances as described in Section 3 of this Privacy Notice.

We may collect your sensitive personal data (including, data relating to your physical or mental health, the commission or alleged commission of offences etc.) if you apply for certain products such as health / life insurance or housing loans, which require you to disclose such sensitive personal data to us. We will only use your sensitive personal data to provide the service(s) you signed up for. If we collect, use, maintain or disclose your sensitive personal data, we will ask for your explicit consent.

You have the choice, at any time, not to provide your personal data/sensitive personal data or to revoke your consent to Maybank Group processing of your personal data/sensitive personal data. However, failure to provide such personal data/sensitive personal data or revocation of your consent to process personal data/sensitive personal data provided may result in Maybank Group being unable to provide you with effective and continuous products and services.

2. What types of personal data do we collect?

Personal data refers to any information that relates directly or indirectly to an individual, who is identified or identifiable from that information or from that and other information in the possession of Maybank Group, including any sensitive personal data and expression of opinion, video recordings made through close circuit security surveillance cameras placed for security reasons and audio recordings about the individual.

The types of personal data we collect may include, but is not limited to your name, address, other contact details, age, occupation, marital status, financial information such as your income, or income tax particulars your identity card or passport, place of birth, credit history and your transaction history.

The personal data we collect can be either obligatory or voluntary. Obligatory personal data are those that we require in order to provide you with our products and services. If you do not provide us with obligatory personal data, we would not be able to provide you with our products and services. Voluntary personal data are those that are not mandatory in order for us to provide you with our products and services. If you do not provide us with voluntary personal data, you can still sign up for our products and services. Obligatory and voluntary personal data differ for each products and services and will be indicated in the application forms.

3. How do we collect your personal data?

We obtain your personal data in various ways, such as:

- (i) When you sign up for or use one of the many services we provide or when you register an account at any Maybank Group websites; and/or
- (ii) When you contact the Maybank Group through various methods such as application forms, emails and letters, telephone calls and conversations you have with our staff in a branch. If you contact us or we contact you using telephone, we may monitor or record the phone call for quality assurance, training and security purposes; and/or
- (iii) From our analysis of your transactions (e.g. payment history, loan, or deposit balances, credit or debit card purchases); and/or
- (iv) We may also obtain your personal data when you participate in customer surveys or when you sign up for any of our competitions or promotions; and/or
- (v) When we obtain any data and information from third parties (e.g. credit reference agencies, regulatory and enforcement agencies, employers, joint account holders, guarantors, legal representatives, spouses, parents, guardians, dependents and/or companies/partnership that you hold directorships, shareholdings or partnership in); and/or
- (vi) When you enter into any commercial transactions with the Maybank Group including but not limited to you providing goods and/or services or your professional services; and/or
- (vii) From video recordings from close circuit security surveillance cameras and audio recordings; and/or
- (viii) From publicly available sources.

Personal data we collect from our websites

IP Address

An IP address is a number that is automatically assigned to your computer when you signed up with an Internet Service Provider. When you visit our website, your IP address is automatically logged in our server. We use your IP address to help diagnose problems with our server, and to administer our website. From your IP address, we may identify the general geographic area from which you are accessing our website. Generally we do not link your IP address to anything that can enable us to identify you unless it is required by law and regulation.

Information on Cookies

A cookie is an element of data that a website can send to your browser, which may then store it on your system. We use cookies in some of our pages to store visitors' preferences and record session information. The information that we collect is then used to ensure a more personalised service level for our users. You can adjust settings on your browser so that you will be notified when you receive a cookie. Please refer to your browser documentation to check if cookies have been enabled on your computer or to request not to receive cookies.

4. What is the purpose of processing your personal data?

We may process your personal data for the following reasons: and/or

- (i) To assess your application for any of our products and services; and/or
- (ii) To verify your financial standing through credit reference checks; and/or
- (iii) To manage and maintain your account and facility; and/or
- (iv) To evaluate your financial needs and to continue performing the contractual obligations entered into between the Maybank Group and you; and/or
- (v) To respond to your enquiries and complaints and to resolve disputes; and/or
- (vi) For internal functions such as evaluating the effectiveness of marketing, market research, statistical analysis and modelling, reporting, audit and risk management; and/or
- (vii) To prevent fraud or detect crime or for the purpose of investigation; and/or
- (viii) For security reasons in particular personal data collected from close circuit security surveillance cameras.

In addition, we may also use your personal data for the fulfilment of any regulatory requirements and for any other reasons connected with providing you the services you require and fulfilment of any commercial transactions entered into by you with the Maybank Group.

From time to time, we may share your personal data with other entities within Maybank Group, our agents or subject to your consent, strategic partners with whom we have a relationship with for specific products and services ("Other Entities") as Maybank Group deems fit and you may receive marketing communication from us or from these other entities about products and services that may be of interest to you. If you no longer wish to receive these marketing communications, please notify us to withdraw your consent and we will stop processing and sharing your personal data with these other entities for the purpose of sending you marketing communications.

You have a choice to withdraw your consent for receiving marketing or promotional materials/communication, you may contact us using the contact details found below. Please be aware that once we receive confirmation that you wish to withdraw your consent for marketing or promotional materials/communication, it may take up to fourteen (14) working days for your withdrawal to be reflected in our systems. Therefore, you may still receive marketing or promotional materials/communication during this period of time. Please note that even if you opt out from receiving marketing or promotional materials, Maybank Group may still contact you for other purposes in relation to the accounts, facilities or services that you hold or have subscribed to with Maybank Group.

5. To whom do we disclose your personal data?

Your personal data held by us shall be kept confidential. However, in order to provide you with effective and continuous products and services and subject at all times to any laws (including regulations, standards, guidelines and/or obligations) applicable to financial institutions, we may need to disclose your personal data to:

- (i) Other Entities within Maybank Group; and/or
- (ii) Credit reference agencies when you apply for any of our credit-based products such as personal loan, credit card, mortgage, etc; and/or
- (iii) Our agents and service providers with whom we have contractual agreements for some of our functions, services and activities; and/or
- (iv) Financial service providers in relation to the products and services that you have with us (e.g. mortgage brokers, insurance companies); and/or

- (v) Strategic partners with whom we have a relationship with for specific products and services if consented to, by you; and/or
- (vi) Parties authorised and consented to, by you; and/or
- (vii) Enforcement regulatory and governmental agencies as permitted or required by law, authorised by any order of court or to meet obligations to regulatory authorities.

The disclosure of your data may involve the transfer of your personal data to places outside of Malaysia, and by providing us your personal data you agree to such a transfer where it is required to provide you the services you have requested, and for the performance of any contractual obligations you have with Maybank Group including for storage purposes.

6. How do we protect your data?

The security of your personal data is our priority. Maybank Group takes all physical, technical and organisational measures needed to ensure the security and confidentiality of personal data. If we disclose any of your personal data to our authorised agents or service providers, we will require them to appropriately safeguard the personal data provided to them.

7. How long may we retain your personal data?

We will only retain your personal data for as long as necessary to fulfil the purpose(s) for which it was collected or to comply with legal, regulatory and internal requirements. Afterwards we will destruct or permanently delete your data.

8. Changes to this Privacy Notice

Please note that we may update this Privacy Notice from time to time. If there are material changes to this Privacy Notice, we will notify you by posting a notice of such changes on our website or by sending you a notification directly. Do periodically review this Privacy Notice to stay informed on how we are protecting your information.

This Privacy Notice was last updated in January 2015.

9. How can you access / correct / update your personal data?

We are committed to ensure that the personal data we hold about you is accurate, complete, not misleading and up-to-date. If there are any changes to your personal data or if you believe that the personal data we have about you is inaccurate, incomplete, misleading or not up-to-date, please contact us so that we may take steps to update your personal data.

You have the right to access your personal data. If you would like to request access to your personal data, please contact us. Please note that depending on the information requested we may charge a small fee. We may also take steps to verify your identity before fulfilling your request for access to your personal data.

10. How may you contact us?

If you need to contact us, you may visit any of our branches, call our Customer Care hotline at 1-300 88 6688 or 603 -7844 3696 (overseas), or visit us at www.maybank.com. For corporate customers, you may contact your relationship manager directly.

We provide the Privacy Notice in both English and Bahasa Malaysia. In case of any inconsistencies between these two, the English version shall prevail. In case there are inconsistencies on how we collect or use your personal data between this Privacy Notice and the terms and conditions of your specific product or service or other contractual documents, the terms and conditions of your specific product or service or other contractual documents shall prevail.

If you have provided the Maybank Group with personal data of a third party, please ensure that you have obtained the third party's consent in relation to the processing and disclosure of their personal data and that this Privacy Notice is brought to the attention of any such third party.

----- *End of Privacy Notice* -----

NOTIS PRIVASI KUMPULAN MAYBANK

Notis Privasi ini menggariskan cara Kumpulan Maybank mengumpul, menggunakan, menyimpan dan mendedahkan data peribadi anda berhubung dengan urusan niaga komersial serta cara Kumpulan Maybank melindungi data peribadi tersebut.

“Kumpulan Maybank” atau “kami” dalam notis ini merujuk Malayan Banking Berhad (“Maybank”), termasuk cawangannya di Malaysia dan negara lain serta setiap entiti dalam Kumpulan Maybank, yang terdiri daripada anak syarikatnya di Malaysia dan luar negara, atau dalam konteks yang diperlukan, salah satu daripadanya.

1. Persetujuan anda adalah penting

Apabila anda meminta maklumat atau melanggan produk dan perkhidmatan kami, anda mungkin dikehendaki memberikan data peribadi anda kepada Kumpulan Maybank. Dengan berbuat demikian, anda bersetuju dengan penggunaan data peribadi anda oleh Kumpulan Maybank menurut Notis Privasi ini.

Data peribadi anda mungkin telah dikemukakan kepada Kumpulan Maybank oleh pihak ketiga (contohnya, oleh pasangan anda, syarikat di mana anda merupakan pengarahnya, pegawai atau pemegang saham, atau perkongsian di mana anda merupakan rakan kongsi) untuk produk atau perkhidmatan yang diperlukan oleh pihak berkenaan daripada kami berdasarkan kepada transaksi komersial dengan Kumpulan Maybank.

Dalam konteks ini, terma “anda” dalam Notis Privasi ini juga akan digunakan bagi mana-mana individu yang mana data peribadinya telah dikemukakan kepada Kumpulan Maybank dan/atau telah diperolehi menerusi kaedah seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 3 Notis Privasi ini.

Kami mungkin mengumpul data peribadi sensitif anda (termasuk data berkaitan kesihatan fizikal atau mental anda, kesalahan yang dilakukan atau dikatakan telah dilakukan dan sebagainya) jika anda memohon produk tertentu seperti insurans kesihatan/nyawa atau pinjaman perumahan, yang menghendaki anda supaya mendedahkan data peribadi sensitif tersebut kepada pihak kami. Kami hanya akan menggunakan data peribadi sensitif anda untuk menyediakan perkhidmatan yang anda langgan. Jika kami mengumpul, menggunakan, menyimpan atau mendedahkan data peribadi sensitif anda, kami akan mendapatkan persetujuan anda.

Anda mempunyai pilihan, pada bila-bila masa, untuk tidak memberikan data peribadi/data peribadi sensitif anda atau menarik balik persetujuan anda untuk membenarkan Kumpulan Maybank memproses data peribadi/data peribadi sensitif anda. Walau bagaimanapun, kegagalan memberikan data peribadi/data peribadi sensitif tersebut atau tindakan anda menarik balik persetujuan anda untuk memproses data peribadi/data peribadi sensitif yang diberikan mungkin mengakibatkan Kumpulan Maybank tidak dapat menyediakan produk dan perkhidmatan kepada anda secara berkesan dan berterusan.

2. Apakah jenis data peribadi yang kami kumpul?

Data peribadi merujuk apa-apa maklumat yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung dengan individu, yang dikenal pasti atau dapat dikenal pasti daripada maklumat itu atau daripada maklumat itu dan maklumat lain yang dimiliki oleh Kumpulan Maybank, termasuk apa-apa data peribadi sensitif dan pendapat yang dinyatakan, rakaman video dibuat melalui kamera litar tertutup atas sebab-sebab keselamatan di premis kami dan rakaman audio tentang individu tersebut.

Jenis data peribadi yang kami kumpul mungkin termasuk, tetapi tidak terhad pada, nama, alamat, maklumat perhubungan lain, umur, pekerjaan, status perkahwinan, maklumat kewangan seperti butiran pendapatan atau cukai pendapatan anda, kad pengenalan atau pasport anda, tempat lahir, sejarah kredit dan sejarah urusan niaga anda.

Data peribadi yang kami kumpul boleh dikategorikan sebagai sama ada wajib diberikan atau diberikan secara sukarela. Data peribadi yang wajib diberikan ialah data peribadi yang kami perlukan supaya kami dapat menyediakan produk dan perkhidmatan kami kepada anda. Jika anda tidak memberikan data peribadi tersebut, kami tidak akan dapat menyediakan produk dan perkhidmatan kami kepada anda. Data peribadi yang diberikan secara sukarela ialah data peribadi yang tidak wajib diberikan bagi membolehkan kami menyediakan produk dan perkhidmatan kami kepada anda. Jika anda tidak memberikan data peribadi tersebut, anda masih boleh melanggan produk dan perkhidmatan kami. Data peribadi yang wajib diberikan dan diberikan secara sukarela berbeza-beza bagi setiap produk dan perkhidmatan dan akan ditandakan dalam borang permohonan.

3. Bagaimanakah kami mengumpul data peribadi anda?

Kami memperoleh data peribadi anda dengan pelbagai cara, seperti:

- (i) Apabila anda melanggan atau menggunakan salah satu daripada perkhidmatan yang kami sediakan atau apabila anda mendaftarkan akaun di mana-mana laman web Kumpulan Maybank; dan/atau
- (ii) Apabila anda menghubungi mana-mana entiti Kumpulan Maybank menerusi pelbagai kaedah seperti borang permohonan, e-mel dan surat, panggilan telefon serta perbualan anda dengan kakitangan kami di cawangan. Jika anda menghubungi kami atau kami menghubungi anda melalui telefon, kami mungkin memantau atau merekodkan panggilan telefon tersebut untuk tujuan jaminan kualiti, latihan dan keselamatan; dan/atau
- (iii) Daripada analisis yang kami lakukan terhadap urusan niaga anda (contohnya, sejarah pembayaran, baki pinjaman atau deposit, pembelian yang dibuat menggunakan kad kredit atau debit); dan/atau

- (iv) Kami juga mungkin memperoleh data peribadi anda apabila anda menyertai kaji selidik pelanggan atau apabila anda mendaftar diri untuk mana-mana peraduan atau promosi kami; dan/atau
- (v) Apabila kami memperoleh apa-apa data dan maklumat daripada pihak ketiga yang diberi kuasa (contohnya, agensi rujukan kredit, agensi kawal selia dan penguatkuasaan, majikan, pemegang akaun bersama, penjamin, wakil-wakil pihak guaman, pasangan, ibu-bapa, penjaga, tanggungan dan/atau syarikat/perkongsian yang anda merupakan pengarahnya, pemegang-pemegang saham atau dalam perkongsian); dan/atau
- (vi) Apabila anda memeterai sebarang transaksi komersial dengan Kumpulan Maybank, termasuk tetapi tidak terhad, bagi menyediakan barangan dan/atau perkhidmatan atau perkhidmatan professional anda; dan/atau
- (vii) Daripada rakaman video dibuat melalui kamera litar tertutup atas sebab-sebab keselamatan di premis kami dan rakaman audio; dan/atau
- (viii) Daripada sumber-sumber umum.

Data peribadi yang kami kumpul dari laman web kami

Alamat IP

Alamat IP ialah nombor yang diberikan kepada komputer anda secara automatik apabila anda berlanggan dengan Penyedia Perkhidmatan Internet. Apabila anda mengunjungi laman web kami, alamat IP anda direkodkan secara automatik dalam log pelayan kami. Kami menggunakan alamat IP anda untuk membantu mengenal pasti masalah dengan pelayan kami dan mentadbirkan laman web kami. Daripada alamat IP anda, kami boleh mengenal pasti tempat anda mengakses laman web kami. Umumnya, kami tidak memautkan alamat IP anda pada apa-apa yang membolehkan kami mengenal pasti diri anda, melainkan ia dikehendaki oleh undang-undang dan peraturan.

Maklumat Kuki

Kuki ialah elemen data yang boleh dihantar oleh laman web kepada pelayar anda, yang kemudiannya mungkin menyimpannya dalam sistem anda. Kami menggunakan kuki pada beberapa laman kami untuk menyimpan pilihan pengunjung dan merekodkan maklumat sesi. Maklumat yang kami kumpul kemudiannya digunakan untuk memastikan tahap perkhidmatan yang lebih peribadi untuk pengguna kami. Anda boleh melaraskan seting pada pelayar anda supaya anda akan diberitahu apabila anda menerima kuki. Sila rujuk dokumentasi pelayar anda untuk menyemak sama ada kuki dibolehkan pada komputer anda atau meminta supaya tidak menerima kuki.

4. Apakah tujuan pemprosesan data peribadi anda?

Kami mungkin memproses data peribadi anda untuk sebab berikut: dan/atau

- (i) Menilai permohonan anda untuk mana-mana produk dan perkhidmatan kami; dan/atau
- (ii) Mengesahkan kedudukan kewangan anda menerusi semakan rujukan kredit; dan/atau
- (iii) Mengurus dan menyelenggara akaun dan kemudahan anda; dan/atau
- (iv) Menilai keperluan kewangan anda dan meneruskan pelaksanaan obligasi kontrak yang diikat antara Kumpulan Maybank dengan diri anda; dan/atau
- (v) Menjawab pertanyaan dan aduan anda serta menyelesaikan pertikaian; dan/atau
- (vi) Fungsi dalaman seperti menilai keberkesanan pemasaran, penyelidikan pasaran, analisis dan pemodelan statistik, pelaporan, pengurusan audit dan risiko serta mencegah penipuan; dan/atau
- (vii) Untuk mencegah penipuan atau mengesan jenayah atau untuk tujuan penyiasatan; dan/atau
- (viii) Atas sebab-sebab keselamatan terutamanya data peribadi yang dikumpulkan dari kamera litar tertutup.

Selain itu, kami juga mungkin menggunakan data peribadi anda untuk memenuhi apa-apa keperluan kawal selia dan untuk apa-apa sebab lain yang berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan yang anda perlukan dan penyelesaian apa-apa urusan niaga perdagangan yang dibuat oleh anda dengan Kumpulan Maybank.

Dari semasa ke semasa, kami mungkin berkongsi data peribadi anda dengan entiti lain dalam Kumpulan Maybank, ejen-ejen kami, atau tertakluk kepada persetujuan anda, rakan kongsi strategik yang kami mempunyai hubungan dengan bagi produk dan perkhidmatan tertentu ("Entiti Lain") sebagaimana yang difikirkan patut oleh Kumpulan Maybank, dan anda mungkin menerima maklumat pemasaran daripada pihak kami atau entiti lain tentang produk dan perkhidmatan yang mungkin menarik minat anda. Jika anda berhasrat untuk tidak mahu menerima maklumat pemasaran ini, sila maklumkan kepada pihak kami untuk menarik balik persetujuan anda dan kami akan berhenti memproses dan berkongsi data peribadi anda dengan entiti lain untuk tujuan penghantaran maklumat pemasaran kepada anda.

Anda mempunyai pilihan untuk menarik balik persetujuan anda untuk penerimaan bahan/maklumat pemasaran atau promosi. Anda boleh menghubungi kami menggunakan maklumat hubungan yang diberikan di bawah. Sila ambil maklum bahawa sebaik sahaja kami menerima pengesahan tentang permintaan untuk menarik balik persetujuan anda untuk menerima bahan/maklumat pemasaran atau promosi, ia mungkin mengambil masa sehingga empat belas (14) hari bekerja sebelum penarikan balik persetujuan anda dipaparkan dalam sistem kami. Oleh itu, anda mungkin masih menerima bahan/maklumat pemasaran atau promosi semasa tempoh tersebut. Sila ambil perhatian bahawa walaupun anda memilih untuk tidak lagi menerima bahan pemasaran atau promosi, Kumpulan Maybank mungkin masih menghubungi anda untuk tujuan lain berhubung dengan akaun, kemudahan atau perkhidmatan yang anda pegang atau langgan dengan Kumpulan Maybank.

5. Kepada siapakah kami mendedahkan data peribadi anda?

Data peribadi anda yang kami pegang akan dirahsiakan. Walau bagaimanapun, bagi membolehkan kami menyediakan produk dan perkhidmatan, dan tertakluk pada setiap masa kepada mana-mana undang-undang (termasuk peraturan-peraturan, standard, garis panduan dan/atau obligasi) yang berkenaan bagi institusi kewangan, kami mungkin perlu mendedahkan data peribadi anda kepada:

- (i) Entiti Lain dalam Kumpulan Maybank; dan/atau
- (ii) Agensi rujukan kredit apabila anda memohon mana-mana produk kami yang berasaskan kredit seperti pinjaman peribadi, kad kredit, gadai janji dan sebagainya; dan/atau
- (iii) Ejen dan penyedia perkhidmatan kami yang diberi kuasa yang dengannya kami telah mengikat perjanjian kontrak untuk beberapa fungsi, perkhidmatan dan aktiviti kami; dan/atau
- (iv) Penyedia perkhidmatan kewangan berhubung produk dan perkhidmatan yang anda ada dengan kami (contohnya, broker gadai janji, syarikat insurans); dan/atau
- (v) Rakan-rakan kongsi strategik yang kami mempunyai hubungan berkenaan dengan produk and perkhidmatan tertentu, jika dipersetujui oleh anda; dan/atau
- (vi) Pihak yang diberi kebenaran dan dipersetujui oleh anda; dan/atau
- (vii) Agensi penguatkuasaan, kawal selia dan kerajaan, seperti yang dibenarkan atau dikehendaki oleh undang-undang, dibenarkan oleh mana-mana perintah mahkamah atau untuk memenuhi obligasi kepada pihak berkuasa kawal selia.

Pendedahan data peribadi anda mungkin melibatkan pemindahan data peribadi anda ke tempat di luar Malaysia, dan dengan memberikan data peribadi anda kepada kami, anda bersetuju dengan pemindahan tersebut yang diperlukan untuk menyediakan perkhidmatan yang anda minta dan untuk pelaksanaan apa-apa obligasi kontrak anda dengan Kumpulan Maybank, termasuk untuk tujuan penjaminan.

6. Bagaimanakah kami melindungi data anda?

Keselamatan data peribadi anda merupakan keutamaan kami. Kumpulan Maybank mengambil semua langkah fizikal, teknikal dan organisasi yang diperlukan untuk memastikan keselamatan dan kerahsiaan data peribadi. Jika kami mendedahkan apa-apa data peribadi anda kepada ejen atau penyedia perkhidmatan kami yang diberi kuasa, mereka dikehendaki melindungi data peribadi yang diberikan kepada mereka sewajarnya.

7. Berapa lamakah kami boleh menyimpan data peribadi anda?

Kami hanya akan menyimpan data peribadi anda selama mana yang perlu untuk memenuhi tujuan ia dikumpulkan atau untuk mematuhi keperluan undang-undang dan peraturan serta keperluan dalaman. Selepas itu, kami akan memusnahkan atau menghapuskan terus data anda.

8. Perubahan pada Notis Privasi ini

Sila ambil perhatian bahawa kami mungkin mengemas kini Notis Privasi ini dari semasa ke semasa. Jika terdapat perubahan ketara pada Notis Privasi ini, kami akan memberitahu anda dengan memaparkan notis tentang perubahan tersebut di laman web kami atau menghantar pemberitahuan kepada anda secara terus. Semak semula Notis Privasi ini dari semasa ke semasa supaya anda sentiasa maklum tentang cara kami melindungi maklumat anda.

Kali terakhir Notis Privasi ini dikemas kini pada Januari 2015.

9. Bagaimanakah anda boleh mengakses / membetulkan / mengemas kini data peribadi anda?

Kami komited untuk memastikan data peribadi anda yang kami pegang adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan terkini. Jika terdapat apa-apa perubahan pada data peribadi anda atau jika anda percaya bahawa data peribadi anda yang kami pegang adalah tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau bukan yang terkini, sila hubungi kami supaya kami boleh mengambil langkah untuk mengemas kini data peribadi anda.

Anda mempunyai hak untuk mengakses data peribadi anda. Jika anda ingin mengakses data peribadi anda, sila hubungi kami. Sila ambil perhatian bahawa kami mungkin mengenakan fi yang rendah bergantung pada maklumat yang diminta. Kami juga mungkin mengambil langkah untuk mengesahkan identiti anda sebelum memenuhi permintaan anda untuk mengakses data peribadi anda.

10. Bagaimanakah anda boleh menghubungi kami?

Jika anda perlu menghubungi kami, anda boleh mengunjungi mana-mana cawangan kami, menelefon Khidmat Pelanggan kami di talian utama 1-300 88 6688 atau 603-7844 3696 (luar negara), atau melayari www.maybank.com. Bagi pelanggan korporat, anda boleh menghubungi pengurus hubungan anda secara terus.

Notis Privasi ini disediakan dalam versi bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Jika terdapat apa-apa ketaktekalan antara kedua-dua versi ini, versi bahasa Inggeris akan digunakan. Jika terdapat percanggahan antara Notis Privasi ini dengan terma dan syarat produk atau perkhidmatan tertentu berkenaan cara kami mengumpul atau menggunakan data peribadi anda, terma dan syarat produk atau perkhidmatan tertentu akan terpakai.

Jika anda telah mengemukakan data peribadi pihak ketiga kepada Kumpulan Maybank, sila pastikan bahawa anda telah mendapatkan kebenaran daripada pihak ketiga yang berkenaan untuk pemprosesan dan pendedahan data peribadi mereka dan Notis Privasi ini telah dikemukakan untuk perhatian pihak ketiga tersebut.

----- *Notis Privasi Tamat* -----